



TEKS PERASMIAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

PROGRAM

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM KASIH IBU TUNGGAL (KASIHNITA)
2026 PERINGKAT NEGERI SARAWAK**

LOKASI / TARIKH / MASA

**HOTEL GRAND CONTINENTAL, KUCHING
19 JULAI 2026 (AHAD) | 11.00 PAGI**

Kemas kini: 17 Julai 2026

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur dan
Salam Malaysia MADANI**

(SALUTASI akan disediakan)

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita diberi kesempatan untuk hadir dalam **Majlis Perasmian Program Kasih Ibu Tunggal (KasihniTa) 2026 Peringkat Negeri Sarawak** pada hari ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Kerajaan Sarawak, rakan-rakan strategik serta semua pihak yang telah menjayakan program ini.

3. Program seperti ini sangat dekat di hati saya. Kerana setiap kali saya berjumpa dengan ibu-ibu tunggal, saya melihat wanita yang tidak pernah berhenti berjuang demi anak-anak dan keluarga mereka. Sebab itulah setiap wanita berhak diberi peluang untuk bangkit dan membina kehidupan yang lebih baik.

MEMPERKASA WANITA, MEMPERKUKUH KELUARGA

Puan-puan dan tuan-tuan sekalian

4. Hari ini kita bercakap tentang ibu tunggal. Namun bagi saya, kita sebenarnya sedang bercakap mengenai **kekuatan sebuah keluarga**. Di sebalik gelaran ibu tunggal, ada wanita yang menjadi ibu, pencari nafkah, pendidik dan sumber kekuatan kepada anak-anak. Mereka bukan meminta simpati tetapi mereka hanya memerlukan peluang untuk terus melangkah ke hadapan.

5. Hasil bancian tahun 2020, Jabatan Perangkaan Malaysia merekodkan terdapat lebih **341,000 ketua isi rumah wanita** di Malaysia, termasuk **lebih 27,000 di Sarawak**. Ini bukan sekadar angka. Di sebalik setiap angka itu ada seorang ibu yang sedang berusaha memberikan kehidupan yang lebih baik kepada anak-anaknya. Sebab itu, **memperkasa ibu tunggal bukan sekadar agenda kebajikan**. Ia adalah **pelaburan jangka panjang** untuk masa depan keluarga, masyarakat dan negara.

MEMBINA PELUANG, BUKAN SEKADAR MEMBERI BANTUAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Atas sebab inilah kita melaksanakan **Program KasihniTa**. Kerana saya mahu lebih ramai ibu tunggal mempunyai peluang untuk berdikari. Program ini bukan sekadar memberi latihan. Ia membantu peserta **memahami hak mereka, mengurus kewangan** dengan

lebih baik dan **membina keyakinan diri** untuk meneruskan kehidupan. Saya percaya apabila seorang wanita mempunyai ilmu, kemahiran dan keyakinan, beliau bukan sahaja mampu mengubah kehidupannya sendiri, malah menjadi kekuatan kepada keluarganya.

7. Bagi tahun 2026, KPWK M memperuntukkan sebanyak **RM3.5 juta** bagi melaksanakan program ini di **13 buah negeri**, dengan sasaran penyertaan seramai 5,000 ibu tunggal. Di **Sarawak**, sebanyak **417 permohonan telah**

diterima dan Namun begitu, kita hanya dapat **menerima 150 orang peserta** pada sesi ini. Angka ini bukan sekadar menunjukkan **sambutan yang menggalakkan**. Ia membuktikan bahawa masih ramai ibu tunggal mahu belajar, meningkatkan kemahiran dan mengubah kehidupan mereka apabila peluang diberikan.

DASAR KPWKM DAN HALA TUJU PESERTA KasihniTa

Puan-puan dan tuan-tuan sekalian,

8. Kejayaan seseorang dasar bukan diukur melalui berapa ramai yang menghadiri program. Kejayaan sebenar ialah apabila **lebih ramai ibu tunggal berjaya berdikari, mempunyai pendapatan sendiri dan mampu menyediakan kehidupan yang lebih baik** kepada keluarga mereka. Saya mahu setiap wanita yakin bahawa mereka sentiasa ada peluang untuk bangkit, selagi kita berusaha membukakan ruang dan peluang kepada mereka.

PERANAN RAKAN STRATEGIK

Hadirin sekalian,

9. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua rakan strategik yang telah menyumbang masa dan kepakaran dalam menjayakan program ini. Kerjasama sektor awam dan swasta adalah kunci kepada kejayaan KasihniTa. Saya berharap kerjasama ini akan terus berkembang, membuka lebih banyak peluang untuk ibu tunggal membina kehidupan yang lebih stabil dan berdaya tahan.

10. Kepada semua ibu tunggal yang hadir — ketahuilah bahawa perjuangan anda semua tidak berlaku dalam kesunyian. **We are here with you.** Rebutlah peluang ini sebaik-baiknya, tambahkan ilmu dan teruskan melangkah ke hadapan. Setiap usaha hari ini membawa perubahan besar — bukan sahaja kepada diri sendiri, tetapi juga kepada anak-anak dan keluarga.

11. Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan Program Kasih Ibu Tunggal (KasihniITa) 2026 Peringkat Negeri Sarawak. Sebagai Menteri yang bertanggungjawab dalam Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya akan terus memastikan perjuangan memperkasa ibu tunggal kekal menjadi keutamaan.

12. Saya tidak mahu ibu tunggal hanya dikenali sebagai penerima bantuan. TETAPI, Saya mahu mereka dikenali sebagai wanita yang berjaya bangkit, berdikari dan menjadi inspirasi kepada masyarakat.
13. Dengan lafaz "**Bismillahir Rahmanir Rahim**", dengan sukacitanya saya merasmikan **Program Kasih Ibu Tunggal (KasihniTa) 2026 Peringkat Negeri Sarawak.**

Sekian. Terima Kasih

YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT
19 JULAI 2026